



SIARAN MEDIA

RABU, 29 MAC 2023

BDB TANDATANGANI PERJANJIAN JUAL BELI SAHAM

SYARIKAT GEMI PUNCAK SDN. BHD. DAN GEMI PUNCAK QUARRY SDN BHD. BERNILAI RM13 JUTA

ALOR SETAR – Bina Darulaman Berhad (BDB) menerusi anak syarikatnya, BDB Infra Sdn. Bhd. (BDB Infra) telah menandatangani perjanjian jual beli saham Gemi Puncak Sdn. Bhd. dan Gemi Puncak Quarry Sdn. Bhd.

Perjanjian tersebut adalah melibatkan pembelian saham syarikat-syarikat tersebut pada harga belian RM13 juta.

Pengarah Eksekutif Kumpulan BDB, YM Raja Shahreen Raja Othman berkata perancangan pengambilalihan berkenaan merupakan sebahagian daripada strategi pertumbuhan perniagaan Kumpulan BDB terutamanya melibatkan divisyen Kejuruteraan, Pembinaan dan Kuari (ECQ).

“Perancangan pengambilalihan ini juga akan meningkatkan lagi portfolio Kumpulan BDB memberi sumbangan positif kepada aset bersih dan aset bersih per saham syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

“Di samping itu, ia juga dijangka akan turut memberi impak kepada pendapatan per saham syarikat untuk tempoh kewangan yang sama,” ujarnya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian jualan saham berkenaan yang berlangsung di Raia Hotel & Convention Centre Alor Setar.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi BDB, Sr. Haji Che Had Dhali dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BDB serta pengurusan kanan Kumpulan BDB. Turut hadir Ooi Chin Tong, Chua Ah Bah dan Ng Ooi Chin bagi pihak Gemi Puncak Sdn. Bhd. dan Gemi Puncak Quarry Sdn. Bhd.

Tambah YM Raja Shahreen, Gemi Puncak Quarry Sdn. Bhd. yang terletak di Ulu Melaka, merupakan kuari granit yang terbesar di Langkawi yang berkeluasan 60 ekar.

“Kuari berkenaan memiliki jumlah pengeluaran tahunan sebanyak 240,000 tan metrik dan sekaligus akan menambah portfolio kuari Kumpulan BDB selepas Kuari Bukit Perak di Pendang, Kedah.

“Menjadi harapan Kumpulan BDB untuk menjadi pembekal produk kuari utama di Langkawi dan sekaligus dapat memastikan penawaran barangan kuari yang berkualiti dan mencukupi untuk pembangunan di Langkawi pada masa akan datang,” ujarnya.

LATAR BELAKANG BINA DARULAMAN BERHAD

Bina Darulaman Berhad (BDB) telah ditubuhkan pada 7 Februari 1995 dan telah disenaraikan dalam Bursa Malaysia. BDB merupakan sebuah syarikat pelaburan yang bertanggungjawab untuk pembangunan bandar, pembinaan, pembuatan jalan, kuari dan rekreasi melalui anak-anak syarikatnya yang lebih dikenali sebagai BDB Land Sdn Bhd, Kedah Holding Sdn Bhd, BDB Synergy Sdn Bhd, BDB Infra Sdn Bhd, BDB Rock Mineral Sdn Bhd dan BDB Leisure Sdn Bhd.

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi:

Komunikasi Korporat

Kumpulan BDB

Tel: 04-7300303

E-mel: gcc.bdb@bdb.com.my